

12 JUN 2000

Kadir-Beli

MALAYSIA SASAR DISEMBER 2003 SEBAGAI PUSAT MEMBELI BELAH DUNIA

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Usaha Malaysia untuk menjadi antara pusat membeli belah terkemuka di dunia akan dapat dibuktikan pada Disember 2003 apabila Jawatankuasa Pemandu Karnival Jualan Kebangsaan menetapkan tarikh berkenaan untuk mencapai sasaran itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, sasaran pada akhir 2003 itu lebih bersesuaian sekiranya usaha berkenaan dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh semua pihak.

"Pada Disember 2003, nama Malaysia akan terkenal di seluruh dunia sebagai satu negara beli belah yang cukup menarik dan unggul," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di sini hari ini.

Katanya, menjelang tarikh berkenaan, nama Malaysia akan sebaris dengan negara destinasi pelancongan berasaskan membeli belah seperti Singapura, Hong Kong dan Dubai di Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli belah antarabangsa akan membantu menjadikan pelancongan sebagai tunggak bagi menggerakkan ekonomi negara, katanya.

Ketika ditanya mengapa Disember 2003 dijadikan sasaran itu, beliau berkata: "Kita jangan lupa, Singapura mengambil masa berpuluh tahun untuk establish sebagai destinasi beli belah, begitu juga Hong Kong sejak zaman berzaman lagi."

Katanya, beberapa ketua setiausaha kementerian telah dilantik untuk mengetuai jawatankuasa kecil bagi membantu menjayakan sasaran berkenaan dengan tumpuan terhadap kegiatan yang berkaitan dengan kementerian masing-masing.

Antara kementerian terbabit, selain kementeriannya sendiri, ialah Kementerian Penerangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau juga berkata, karnival membeli belah kali kedua tahun ini akan dilancarkan pada 5 Ogos depan.

Karnival selama sebulan itu akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Bukit Bintang bagi peringkat Kuala Lumpur, manakala pelancaran peringkat kebangsaan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Johor Baharu pada tarikh yang sama.

Karnival sebanyak tiga kali setahun itu ditetapkan pada Mac, Ogos dan Disember.

-- BERNAMA

RZS AHH zb